



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1627

**AKTA LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA
BAGI PEMBIAYAAN KERAJAAN
(PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19))
(PINDAAN) 2020**

Tarikh Perkenan Diraja 31 Disember 2020

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 31 Disember 2020

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1627

AKTA LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI PEMBIAYAAN KERAJAAN (PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19)) (PINDAAN) 2020

Suatu Akta untuk meminda Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2020.

Pindaan Jadual

2. Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [*Akta 830*] dipinda dalam Jadual—

(a) dalam butiran 1, dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “16,800,000,000” dengan perkataan “18,300,000,000”;

- (b) dalam butiran 2, dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “11,200,000,000” dengan perkataan “25,200,000,000”;
- (c) dalam butiran 6, dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “1,900,000,000” dengan perkataan “2,400,000,000”;
- (d) dalam butiran 8—
 - (i) dalam ruang (1), dengan memotong perkataan “bagi Kementerian Kesihatan”; dan
 - (ii) dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “1,000,000,000” dengan perkataan “5,000,000,000”; dan
- (e) dengan menggantikan perkataan “JUMLAH 45,000,000,000” dengan perkataan “JUMLAH 65,000,000,000”.